

TAJUK : KATA KERJA TAK TRANSITIF TANPA PELENGKAP

Nyatakan penggunaan *kata kerja tak transitif tanpa pelengkap* yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah sama ada betul (/) atau salah (X)

1. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah bersetuju menyampaikan sumbangan peribadi untuk mangsa banjir di Kelantan. []
2. Meskipun pelakon juga pengacara wanita itu menceburi bidang hiburan, beliau amat dihormati oleh masyarakat kerana beliau merupakan seorang selebriti yang berpelajaran. []
3. Kucing-kucing kesayangannya telah kepenatan setelah seharian berlari, melompat, dan bermain tidak henti-henti. []
4. Sebagai salah seorang pegawai perubatan yang bertugas di Jabatan Dermatologi, Doktor Ramesh telah lali merawat kulit pesakit yang mengembang dan berair akibat kemalangan. []
5. "Usahlah asyik menung. Lebih baik engkau mengemas bilik engkau yang bersepah itu," kata Sarah kepada adiknya. []
6. Anak-anak kecil itu tercengang apabila melihat persembahan silat cekak daripada pesilat-pesilat yang terlatih itu. []

Padankan ayat-ayat di bawah dengan kata kerja tak transitif tanpa pelengkap yang sesuai untuk melengkapkan ayat-ayat tersebut.

1. Kementerian Kesihatan Malaysia menasihati rakyat supaya sentiasa _____ dan beriadah untuk menyihatkan badan.
2. Janganlah _____ dengan kelebihan diri kerana kesenangan dan kejayaan dalam hidup tidak akan kekal selama-lamanya.
3. Ibu melarangnya untuk _____ di lombong yang terdapat di belakang rumah mereka.
4. Perancangan mereka sekeluarga untuk pergi _____ telah terbantut disebabkan oleh larangan merentas negeri yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.
5. Murid-murid itu sedang _____ di pondok tersebut untuk melepaskan lelah setelah bermain bola sepak semasa aktiviti Pendidikan Jasmani tadi.
6. Semua calon SPM 2021 _____ menunggu keputusan peperiksaan mereka yang bakal diumumkan oleh pengetua sebentar lagi.

- makan angin
- mandi-manda
- berolahraga
- berdebar-debar
- berhidung tinggi
- duduk-duduk